



KEMENTERIAN KOMUNIKASI
DAN MULTIMEDIA MALAYSIA



SIARAN MEDIA

11 OGOS 2021
UNTUK SIARAN SEGERA

WEBINAR BICARA ETIKA SIBER : 'TROLLING' - SINDIRAN ATAU SANDARAN

CYBERJAYA (11 OGOS 2021) – CyberSecurity Malaysia, pusat pakar teknikal keselamatan siber dan agensi di bawah Kementerian Komunikasi dan Multimedia (KKMM) akan menganjurkan program webinar bertajuk **Bicara Etika Siber : 'Trolling' – Sindiran atau Sandaran** pada **14 Ogos 2021 (Sabtu)** bermula jam **10.00 pagi** melalui saluran YouTube LIVE CyberSecurity Malaysia.

Webinar berkonsepkan bual bicara ini akan memberi pendedahan kepada pengguna Internet mengenai perbuatan troll siber serta hubung kait dari sudut gangguan jelik dalam talian. Di samping itu, webinar ini juga berkongsi maklumat mengenai amalan terbaik, tatacara pembentukan sahsiah diri serta sikap kawal sendiri yang perlu ada pada seseorang individu di dalam mengekang aktiviti troll siber kepada pengguna internet ketika melayari internet.

“Kita dapati bahawa di dalam suasana cabaran mendepani pandemik COVID-19 serta Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang sedang berkuatkuasa di mana rakyat Malaysia perlu berada di rumah, penggunaan teknologi digital dan Internet telah meningkat dengan ketara di seluruh negara. Tidak dinafikan, ia merupakan satu perkembangan positif kerana rakyat Malaysia terus menggunakan teknologi dan Internet untuk melakukan pelbagai aktiviti, namun pada masa yang sama kaedah penggunaan tersebut harus diberi perhatian wajar agar pengguna Internet tidak melakukan perbuatan negatif malah tidak terdedah kepada pelbagai ancaman dan serangan siber” kata Dato’ Ts. Dr. Haji Amirudin Abdul Wahab, Ketua Pegawai Eksekutif, CyberSecurity Malaysia.

Program webinar ini akan menggabungkan ahli-ahli panel antaranya YBhg. Che Puan Sarimah Ibrahim yang merupakan personaliti TV dan Penaung Persatuan Kesedaran &



CyberSecurity Malaysia
200601006881 (726630-U)

Level 7, Tower 1
Menara Cyber Axis
Jalan Impact
63000 Cyberjaya
Selangor Darul Ehsan
Malaysia.

Sokongan Penyakit Mental (MIASA), Profesor Dr. Mohamad Fauzan Noordin, Ketua Kluster Penyelidikan ICT & Islam Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) serta Lt Kol Mustaffa Ahmad (Bersara), Naib Presiden Kanan, Outreach & Pembangunan Kapasiti, CyberSecurity Malaysia. Selain itu, terdapat juga penampilan istimewa oleh YBhg. Dato' Ustaz Kazim Elias Al Hafiz manakal moderator webinar ialah Sharil Sarapudin, Personaliti TV dan Penerbit Rancangan di RTM.

Disasarkan kepada semua pengguna Internet di Malaysia, webinar Bicara Etika Siber akan mengupas pelbagai isu menarik seperti kesan perbuatan troll terhadap individu dan kesihatan mental, trolling sebagai perbuatan jenayah, amalan terbaik mengekang perbuatan troll siber dan trend penggunaan media sosial dalam masyarakat madani.

Program webinar ini diadakan sebagai salah satu inisiatif sempena sambutan Hari Keselamatan Internet 2021 - Edisi Malaysia yang disambut pada awal tahun ini bertemakan Etika Siber. Orang ramai boleh menonton webinar ini secara langsung menerusi saluran YouTube LIVE CyberSecurity Malaysia (<https://www.youtube.com/watch?v=7Is94axIH-8>)

The poster is for a webinar titled "Trolling: Sindiran atau Sandaran" (Trolling: Sarcasm or Abuse). It is scheduled for 14 August 2021, from 10:00 AM to 11:30 AM. The event is hosted by CyberSecurity Malaysia and is part of the "Bicara Etika Siber" (Siber Etiquette Dialogue) series. The moderator is Sharil Sarapudin, a TV personality and RTM producer. The webinar features four speakers: YBhg. Che Puan Sarimah Ibrahim (Panel 1), Prof. Dr. Mohamad Fauzan Haji Noordin (Panel 2), Lt Kol Mustaffa Ahmad (Bersara) (Panel 3), and YBhg. Dato' Ustaz Kazim Elias Al Hafiz (Special Appearance). The event is available on YouTube Live at @CyberSecurityMy. A gift of a question is promised to selected viewers.

~ Tamat ~

Dikeluarkan oleh Jabatan Outreach dan Komunikasi Korporat, CyberSecurity Malaysia.

Untuk maklumat lanjut, hubungi media@cybersecurity.my atau +603-8800 7999
Mohd Shamil Mohd Yusoff (ext: 7237) / Zul Akmal Abdul Manan (ext: 7242)